



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **pegawai yang sedang berkhidmat di Tourism Malaysia** dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

1. JAWATAN : PEGAWAI PELANCONGAN (GRED E5)

TARAF JAWATAN	: a) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (interim); dan b) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan kerajaan adalah secara pelantikan tetap
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Ekonomi (E)
SKIM PERKHIDMATAN	: Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
PENEMPATAN	: Ibu Pejabat, Putrajaya / Pejabat TM Wilayah

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,650.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,650.00); atau

- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,650.00); atau
- (iv) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,650.00); atau
- (v) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,731.00); atau
- (vi) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,812.00); atau
- (vii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,893.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Ehwal Ekonomi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) (i) mempunyai **kelayakan di perenggan 2 (c)**; atau
(ii) **Iulus Peperiksaan Khas**; dan
- b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang **umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun**; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang **umur persaraan paksa 58 tahun**; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang **umur persaraan paksa 60 tahun**.

5. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab:

- a) Membantu dalam merancang, menilai, melaksanakan dan memantau pelan promosi dan publisiti berkaitan pelancongan oleh pejabat selaras dengan visi serta misi TM secara keseluruhannya;
- b) Membantu dalam merancang, menilai dan memantau penyertaan/penganjuran pameran dan acara pelancongan termasuk usaha dari segi promosi dan publisiti bagi mempergiatkan promosi pelancongan domestik kepada kumpulan sasaran dengan lebih berkesan;
- c) Membantu untuk memantau dan menilai produk-produk pelancongan supaya boleh dipromosikan di dalam dan luar negara;
- d) Membantu membangunkan pakej-pakej pelancongan baru serta memantau prestasinya supaya boleh dipasarkan di dalam dan luar negara serta dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri tersebut;
- e) Menganalisis dan melaksanakan penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan Malaysia yang tepat dan terkini di pasaran seliaan bagi mendorong pelancong di pasaran seliaan untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan;
- f) Membantu menyediakan laporan yang berkaitan;
- g) Membantu menyelaras dan memantau hal ehwal pentadbiran bagi membolehkan pejabat menjalankan fungsi yang ditetapkan oleh jabatan dan pekeliling peraturan semasa;
- h) Membantu menyemak dan memantau dokumen-dokumen kewangan agar diproses mengikut prosidur kewangan yang diitetapkan;
- i) Menghadiri mesyuarat seperti yang diarahkan Pengarah berkaitan program dan acara promosi pelancongan; dan
- j) Memastikan peraturan-peraturan Kerajaan berkaitan perkhidmatan, perolehan, perjawatan, kemudahan dan sebagainya dilaksana dan dipatuhi.

6. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

Permohonan adalah secara dalam talian melalui *Tourism Malaysia Recruitment System*. Berikut adalah panduan ringkas bagi memohon:

- a) Log in dipautan:
<https://tourism-recruit.senanqhr.com/>
- b) Pendaftaran Akaun Baharu > Lengkapkan Maklumat Pendaftaran > Tetapkan **Kata Laluan** > klik butang **Daftar Akaun**.
- c) Setelah pendaftaran berjaya, log masuk dan pemohon boleh ke langkah seterusnya dengan melengkapkan maklumat serta memuat naik dokumen berdasarkan senarai semak seperti yang dikehendaki.
- d) Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- e) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan gambar passport terkini. **Selain daripada gambar passport tidak dibenarkan.**
- f) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).** Pemohon boleh melayari laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/>
- g) Tarikh tutup permohonan ialah pada **20 Jun 2025 (Jumaat)**

7. CATATAN AM

- a) Calon yang berjaya melepassi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi** melalui e-mel.
- b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pelantikan@tourism.gov.my

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah memuat naik dokumen-dokumen **mengikut susunan berikut:**

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan (Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA”)		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan <u>Sijil</u> Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM (<i>sekiranya berkenaan</i>)		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
6	Salinan STPM/STAM/Sijil Pertanian/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil Khas/Diploma dan Transkrip Akhir/Ijazah dan Transkrip Akhir (<i>mana yang berkenaan</i>)		
7	Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Sijil Khas/Diploma/Ijazah yang diberikan oleh badan pendidikan swasta (<i>sekiranya berkenaan</i>)		
** 8	Surat Perakuan Ketua Jabatan		Permohonan selain daripada pegawai Tourism Malaysia
9	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		

ARAHAN:

- a) Salinan sijil perlulah **diakui sah benar** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- b) Ke semua dokumen di atas hendaklah **dimuat naik** semasa permohonan dibuat.
- c) ** **Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkusa Tempatan selain dari Tourism Malaysia hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 18, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012**
- d) Sekiranya **permohonan ini tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, Tourism Malaysia berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan ini.**

Dikemaskini pada 5 Jun 2025